




RINGGIT yang bergerak perlahan tahun ini menjejaskan ekonomi negara.

HARGA minyak yang tidak menentu turut menyumbang kepada kemelesetan ekonomi.



MENABUNG menjadi cara berkesan untuk menggalakkan rakyat berjimat.

Bersedia hadapi tekanan ekonomi

AHUN ini, ekonomi negara berdepan situasi getir apabila nilai Ringgit Malaysia (RM) jatuh mendadak berbanding mata wang utama dunia sehingga mengakibatkan kebimbangan dalam kalangan rakyat.

Situasi mata wang yang tidak menentu itu mendatangkan banyak persoalan mengenai masa depan ekonomi negara sehingga dianggap sedang berdepan krisis kewangan meruncing.

Menurut data yang dikumpulkan sejak beberapa bulan lalu, nilai ringgit jatuh kepada tahap paling lemah sejak 2005.

Sebelum ini, ringgit diikat pada harga RM3.80 bagi AS\$1 pada 1998 semasa krisis kewangan Asia.

Greece boleh menjadi satu contoh terbaik untuk Malaysia berdepan situasi ekonomi memandangkan status negara itu yang dibebani hutang melampau.

Menurut Pesyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohammad Noorizzuddin Nooh, jangkaan ringgit pada tahun hadapan agak stabil tetapi bergerak secara perlahan.

Namun, tidak mustahil nilai mata wang terus merudum, sekali gus memberi impak besar kepada ekonomi dan

politik negara.

"Ini berikutan, kita perlu melihat pergerakan mata wang China Renminbi, dolar Amerika Syarikat dan harga minyak dunia yang juga mengalami ketidakpastian dalam pasaran.

"Perlu diingat bahawa ekonomi negara turut bergantung kepada harga minyak dunia," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Punca

Menurutnya, punca berlaku kejatuhan ringgit tahun ini adalah disebabkan penurunan rizab asing, harga minyak dunia serta mata wang China Renminbi.

Mohammad Noorizzuddin memberitahu, ia tiada kaitan dengan sabotaj atau boikot daripada mana-mana negara dan itu hanyalah bersifat konspirasi.

"Begitupun, situasi politik yang tidak menentu juga menyumbang kepada kejatuhan ekonomi negara," ujarnya.

Setakat ini, ekonomi Malaysia memang bergantung kepada petroleum dan eksport barangan siap ke luar negara, justeru pelbagai pendekatan perlu dilakukan untuk mengubah corak



NOORIZZUDDIN

pergerakan ekonomi tahun hadapan.

Sebagai contoh, asas pengurusan dana negara perlu dipertingkatkan dan pada masa sama menggalakkan kuasa membeli domestik.

Menggalakkan rakyat untuk berbelanja dan mengutamakan produk atau barangan keluaran tempatan sangat penting dalam

usaha membantu perkembangan ekonomi domestik, malah pada masa sama dapat menyumbang sedikit untuk menangani krisis berkenaan.

"Kerajaan perlu memperkenalkan dasar, *Buy Malaysia First* iaitu mengutamakan produk-produk tempatan

berbanding barangan luar kerana ia dilihat mampu memberi unjuran baik dalam pergerakan ekonomi tanpa bergantung kepada pasaran sedia ada.

"Ini sangat bagus dalam meningkatkan lagi ekonomi domestik malah berpeluang meningkatkan kuantiti eksport, sektor pelancongan serta kemasukan tinggi pelabur-pelabur asing," jelasnya.

Sehubungan itu, pasaran

terhadap rangkaian produk tempatan perlu dipertingkatkan dan diperluas bagi memastikan ia menjadi pelan sokongan sekiranya negara dilanda krisis lebih teruk nanti.

Transformasi ekonomi

Dalam menangani situasi harga minyak global, kerajaan menerusi program transformasi ekonomi sedang memastikan untuk mengurangkan ketergantungan kepada hasil petroleum dan mewujudkan pekerjaan baharu berasaskan ilmu sains serta teknologi.

Negara tidak boleh bergantung lagi kepada pasaran minyak sepenuhnya sebaliknya perlu kepada kepelbagaian sumber ekonomi.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan agar rakyat perlu bijak mengurus kewangan dan lebih berhati-hati berbelanja memandangkan situasi ekonomi yang tidak stabil boleh meningkatkan kos seharian.

"Penting bagi setiap orang untuk mempunyai simpanan dan mengawal perbelanjaan seharian serta bulanan.

"Mata wang atau ekonomi memang tidak pernah menentu dan persediaan sangat penting terutama kos-kos perubatan yang sangat ditekankan dalam kehidupan," jelasnya.